

25/01/2001

Pandithan mungkin diberi jawatan dalam MIC

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan mungkin diberi jawatan tertentu sekiranya beliau mengambil keputusan menyertai MIC.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau akan memikirkan jawatan untuk Pandithan jika menerima tawaran MIC.

"Biasanya semua jawatan sudah diisi. Tetapi tidak sukar bagi saya mengadakan jawatan itu kerana saya mempunyai kuasa untuk melantik sesiapa menganggotai Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi rumah terbuka MCA sempena Tahun Baru Cina di Wisma MCA, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tawaran terbukanya yang dibuat semalam kepada Pandithan dan pengikutnya.

Pandithan sebelum ini meninggalkan MIC berikutan perbalahan dengan Samy Vellu dan menubuhkan IPF yang didakwa mempunyai kira-kira 200,000 anggota daripada masyarakat India.

Ditanya sama ada MIC menetapkan syarat tertentu kepada Presiden IPF itu sebelum memberinya sebarang jawatan, Samy Vellu berkata, perkara itu tidak timbul.

Beliau berkata, apa yang penting ialah Pandithan perlu menjadi ahli biasa dulu sebelum memegang jawatan tertentu.

Mengenai penerimaan peringkat akar umbi MIC terhadap tawaran yang dibuatnya, Samy Vellu berkata, mereka menerimanya dengan hati terbuka.

"Lagipun, mereka boleh bertemu semula dengan rakan lama," katanya.

Ditanya sama ada MIC akan meminda perlembagaan bagi membolehkan Pandithan bertanding sebarang jawatan, Samy Vellu berkata, ia akan diputuskan oleh parti.

Berita Harian difahamkan, Pandithan meminta MIC memberinya sedikit masa bagi menimbang tawaran yang dibuat.

Samy yang diminta mengulas permintaan Pandithan itu berkata, beliau tidak ada sebarang masalah dalam perkara itu.

"Berilah dia sedikit masa untuk berfikir kerana keputusan ini (menyertai MIC) tidak boleh dibuat dengan sendiri)... dia perlu berunding dengan rakan dan partinya.

"Kalau dia terima kita ucap terima kasih. Tetapi, jika tidak itu terpulang kepada dia.

"Bagaimanapun, saya berharap kita akan menyatupadukan kaum India dan kekuatan itu boleh diberi kepada Barisan Nasional (BN) dan pucuk pimpinan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Sementara itu, Bernama melaporkan IPF akan mengadakan undian rahsia bulan depan bagi membolehkan anggota membuat keputusan sama ada kekal dalam IPF atau menyertai MIC.

(END)